

Malaysia jadi model pembangunan

BH 20 AUG 2001

KAMPALA (Uganda), Ahmad - Presiden Uganda, Yoweri Museveni, menyarankan negara membangun di Afrika mencontohi Malaysia yang berjaya membangunkan negaranya melalui konsep rangkaian perkongsian pintar.

Beliau berkata, keadaan ekonomi di negara-negara Afrika khususnya Uganda pada masa ini adalah sama seperti dialami Malaysia pada 1960-an.

"Perkembangan ekonomi kita agak lewat dan kita perlu wujudkan rangkaian bagi membolehkan kita berkongsi pengalaman dan kemahiran untuk membangunkan negara," katanya ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global2001 (SAID-Global 2001), malam tadi.

Dialog empat hari bermula semalam itu diadakan di Pusat Peranginan Speke,

Munyonyo, berhampiran Tasik Victoria kira-kira 15 kilometer dari sini. Lebih 700 peserta menyertai dialog berkenaan, termasuk beberapa ketua negara dan pemimpin kerajaan.

Mereka termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Thabo Mbeki (Afrika Selatan), Presiden Omar Kassar Ahmad Al-Bashir (Sudan), Presiden Joaquim Alberto Chissano (Mozambique), Presiden Daniel Arap Moi (Kenya) dan Presiden Festus G Mogae (Botswana).

Museveni berkata, Malaysia juga pernah mengalami rusuhan kaum pada 1969 akibat perbezaan tahap ekonomi antara kaum, tetapi masalah itu berjaya diatasi hasil kebijakan pemerintahnya memperkenalkan dasar yang dapat mengimbangi jurang perbezaan itu.

"Bagaimanapun, masalah yang sama kini dihadapi oleh beberapa negara Afrika. Oleh itu, kita perlu mencontohi kebijaksanaan pemimpin Malaysia dalam menangani isu seperti ini," katanya.

Beliau juga menyeru negara Eropah supaya membuka pasaran mereka kepada barang dari Afrika kerana halangan utama terhadap pelaburan terus asing (FDI) ke Afrika pada masa ini ialah had tarif dan kuota yang dikenakan oleh kebanyakan negara maju.

Museveni juga menggesa masyarakat perniagaan supaya mengambil kesempatan daripada dialog ini untuk mewujudkan rangkaian perkongsian pintar dengan usahawan negara lain bagi membolehkan mereka meluaskan pasaran.

"Bagaimanapun, anda tidak boleh berharap un-

tuk mengaut keuntungan dalam tempoh seminggu ini kerana dialog ini bukanlah pesta perdagangan, sebaliknya anda boleh membuat keuntungan melalui rangkaian perkongsian pintar yang mungkin dapat diwujudkan," katanya.

Beliau membidas Kumpulan Lapan (G8) negara maju kerana mengadakan pertemuan setiap tahun untuk "berkonspirasi bagaimana memerintah dunia" dengan dasar yang hanya bertujuan memperkayakan diri sendiri menggunakan Dunia Ketiga.

"Akibat daripada dasar ekonomi mudarat seperti itu terhadap negara membangun, Selatan-Selatan terpaksa bertemu setiap tahun "bukan untuk berkonspirasi bagi memerintah, tetapi bagaimana untuk terus hidup di dunia ini," katanya.